

## REPRESENTASI BUDAYA DAN IDENTITI DALAM MUZIK VIDEO LALISA

Nazra Aliff Nazri<sup>1</sup>, Faiz Masnan<sup>2</sup>, Fauziah Ismail<sup>3</sup>, Siti Balkis MKM Mohamed Ibrahim<sup>4</sup> &  
Husna Hazwani Binti Zakaria<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup>Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

### ABSTRAK

Pada masa kini, pengaruh Hallyu ataupun gelombang Korea masih tetap dirasakan oleh masyarakat dunia. Ini dapat dibuktikan apabila muzik popular Korea yang dihasilkan oleh ramai penyanyi di Korea telah terbukti berjaya menempa nama sehingga ke peringkat antarabangsa. Antara contoh kejayaan adalah menerusi Lisa daripada anggota kumpulan 'Blackpink' yang telah mencetuskan fenomena pada tahun 2021 apabila muzik video 'Lalisa' telah dinobatkan sebagai muzik video yang mendapat tontonan paling tinggi dalam masa 24 jam di dunia. Oleh itu, dengan menggunakan sampel terhadap muzik video 'Lalisa', kajian ini ingin melihat apakah representasi identiti dan budaya yang telah dipaparkan Lisa dalam muzik video ini dengan menggunakan landasan Teori Norma Budaya daripada Melvin De Fleur (1970). Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif analisis tekstual dan mendapati bahawa, walaupun Lisa merupakan penyanyi yang telah menempa nama di Korea Selatan dan dikenali seluruh dunia, namun identiti dan budaya asalnya sebagai anak kelahiran Thailand tetap dikekalkan dan dipromosikan kepada dunia melalui muzik video ini. Ini sekaligus membuktikan bahawa Lisa bukan sahaja seorang penyanyi yang mempunyai nilai patriotism yang tinggi malah juga mempamerkan imej yang amat baik dengan tidak melupakan asal usul beliau.

**Kata Kunci:** Representasi, Identiti, Analisis Tekstual, Budaya, Muzik

### ABSTRACT

*Nowadays, the influence of Hallyu or the Korean wave is still felt by a lot of people around the world. This can be proven when Korean popular music produced many singers that has successfully forged a name up to the international level such as Lisa from the group 'Blackpink'. Lisa has created a phenomenon in 2021 when her music video 'Lalisa' has been crowned as the world most viewed music video in 24 hours. Therefore, by using a sample of the music video 'Lalisa', this study wants to see what is the representation and cultural identity that has been displayed by Lisa in this music video by using Cultural Norm Theory from Melvin De Fleur (1970). This study has also used qualitative methods which is textual analysis and the results of the study found that, although Lisa is a singer who started her fame in South Korea and also known around the world, her original identity as well as her culture as an individual who was born in Thailand is still remained and promoted to the world through this music video. This proves that Lisa is not only a singer who has high patriotism values but also displays a very good image as an artist by not forgetting her origins.*

**Keywords:** Representation, Identity, Tekstual Analysis, Culture, Music

## 1.0 PENGENALAN

Korea Selatan pada umumnya adalah sebuah negara yang bersifat homogen namun ianya adalah salah satu negara yang paling bijak untuk mempromosi dan menyebarkan produk budaya poplarnya sehingga ke setiap pelusuk dunia dengan hanya menggunakan platform hiburan sebagai satu alternatif yang membuahkan hasil dan lebih dikenali dengan gelombang Korea ataupun *Hallyu* (Sarah Fella & Abdus Sair 2020).

Antara medium yang digunakan oleh pembuat teks Korea Selatan dalam penyebaran budaya adalah menerusi penghasilan muzik yang turut dikenali sebagai muzik K-Pop yang kini dikenali hampir seluruh dunia. Bagi Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad (2011), muzik adalah satu katalis yang terlihat amat bagus dalam menarik perhatian peminat-peminat di serata dunia termasuk Asia. Tambahnya, muzik pop daripada Korea Selatan ini jelas menggambarkan keyakinan diri rakyat Korea dan merangka identiti dan imej masyarakat dan komuniti Korea. Imej dan pembentukan identiti ini sememangnya sebuah perkara yang penting dan harus tidak dipandang enteng oleh masyarakat dewasa ini. Ini disebabkan imej, identiti dan budaya adalah elemen yang saling berkait rapat antara satu sama lain sekaligus mampu untuk membentuk tingkah laku dan merubah kefahaman manusia (Muhammad Ridhwan & Mohamad Fauzi 2021).

Oleh itu, melalui kehadiran muzik popular Korea Selatan atau K-pop yang dihasilkan oleh ramai selebriti dan penyanyi di Korea sememangnya telah terbukti keberkesannya dan ini dapat dibuktikan apabila ramai dalam kalangan artis ini berjaya menempa nama di peringkat antarabangsa seperti Rain, Girls Generation, Wonder Girls, Super Junior dan ramai lagi. Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad (2011). Bagi (Dinda & Lucy 2021), Korea Selatan memiliki industri hiburan yang sangat hebat dan selain dari menerbitkan drama-drama yang berkualiti, muzik dan lagu-lagu yang dihasilkan oleh penyanyi idola Korea Selatan sangat digemari oleh para penggemarnya di seluruh dunia. Dalam pada itu, pada tahun 2018 penyanyi berkumpulan lelaki Korea Selatan, BTS telah berjaya menjadi satu-satunya artis Korea Selatan pertama yang dijemput untuk mengadakan persembahan di anugerah antarabangsa iaitu *'Billboard Music Award'*.

Pada tahun 2021, lagu solo terbaru ahli kumpulan *Blackpink* iaitu Lisa berjudul 'Lalisa' yang disiarkan di saluran 'Youtube' telah memecahkan banyak rekod dunia termasuk sebagai muzik video paling banyak ditonton dalam masa 24 jam dengan 73.6 juta tontonan seluruh dunia pada tahun 2021 mengalahkan bintang-bintang ternama dari *Hollywood*. Pada tahun 2022 pula, salah seorang anggota 'BTS' iaitu Jung Kook telah dipilih bagi menyanyikan runut bunyi iaitu *'Dreamers'* dan sekaligus dipanggil membuat persembahan acara pembukaan Piala Dunia FIFA 2022 di Qatar. Penampilan Jung Kook ini juga meraih perhatian dan pujian peminat apabila artis pertama Korea Selatan yang terlibat secara langsung dalam pertandingan bola terbesar dunia iaitu FIFA ini.

Justeru, ini jelas sekali membuktikan bahawa pengaruh K-Pop terutama dari sudut industri hiburan nyanyian masih terlihat utuh dan mendapat sambutan hangat sehingga kini merentasi dunia dan diterima segenap lapisan budaya serta masyarakat. Namun begitu, adakah bintang-bintang kelahiran Korea Selatan ini masih lagi mengekalkan identiti dan budaya walaupun sudah bergelar artis antarabangsa mahupun sebaliknya? Disebabkan itulah, melalui kajian ini pengkaji ingin melihat pemaparan budaya yang diketengah oleh bintang sensasi Korea iaitu Lisa dalam muzik videonya 'Lalisa' dan apakah wujud pengekaln terhadap identiti yang dipamerkan oleh Lisa kepada masyarakat umum.

## 2.0 TINJAUAN KEPUSTAKAAN

Di dalam sesebuah penyelidikan, sorotan karya atau ulasan kepustakaan adalah antara elemen yang amat penting dalam menyokong sesebuah kajian yang dibina (Kraus & Dasí 2020). Justeru, pengkaji telah membahagikan tinjauan kepustakaan kajian lepas kepada beberapa bahagian bagi melihat isu kajian dengan lepas meluas.

### 2.1 Budaya Dan Identiti

Berdasarkan pernyataan Kalman (2009), istilah budaya boleh diertikan sebagai akar kepada ketamadunan sesebuah komuniti dan masyarakat. Antara nilai budaya yang terdapat di dalam masyarakat ialah dari sudut pemakaian, agama, festival, keramaian dan juga makanan (Kurt & Gok 2015). Menurut Gabriel (2015) pula, budaya sering difahami sebagai sebuah komuniti yang berkongsi ciri yang sama dalam sesebuah elemen seperti bahasa, pakaian, muzik, pekerjaan, seni, agama, tarian dan sebagainya.

Justeru, perubahan budaya seiring dengan perkembangan zaman juga mampu untuk membuatkan sesebuah budaya dan identiti berubah ditelan arus peredaran zaman. Hal ini kerana menurut Muhammad Ridhwan dan Mohamad Fauzi (2021), budaya merupakan cara hidup yang dapat menonjolkan identiti sesuatu kelompok budaya seperti etnik mahupun ciri seseorang individu. Ini menunjukkan bahawa budaya dan identiti adalah saling berkait rapat antara satu sama lain. Kesalinggantungan budaya dan identiti akan membentuk satu tingkah laku atau pemikiran dalam menyatupadukan pembangunan negara bangsa khususnya.

Di arus globalisasi kini, pembentukan identiti di zaman digitalisasi dijelaskan oleh Manago (2015) dengan melibatkan diri kepada ruang dalam talian melalui skrin yang sama dan media yang diakses secara komersial. Ini selari dengan cetusan idea yang dinyatakan oleh Lisa untuk memasukkan elemen budaya dan identiti asalnya ke dalam video muzik 'Lalisa' walaupun ianya diterbitkan oleh produksi daripada negara Korea. Kemunculan teknologi komunikasi baharu seperti media-media sosial khususnya ini juga dinyatakan Saucier (2009) telah menjadi medium penting untuk penciptaan, perundingan, dan perlambangan identiti. Oleh itu, kepenggunaan media sosial dalam mempamerkan identiti dan budaya sesebuah kelompok masyarakat bukan satu perkara yang asing untuk diguna pakai malah ianya satu kaedah yang berkesan di zaman permodenan kini.

Seterusnya, Callaghan dan Lacruz (2017) turut menyatakan bahawa sumber media yang digunakan akan menyebabkan pengekaln identiti etnik secara langsung dan ia menjadi tempat menghabiskan masa untuk mendapatkan maklumat tentang keseluruhan cara hidup generasi etnik mereka. Justeru, ini yang cuba dilakukan oleh Lisa bagi mempromosikan budaya dan identitinya melalui muzik video kepada masyarakat luar. Bagi Advani dan Reich (2015) Hal sebegini ini sangat menonjol kepada negara yang mempunyai penduduk yang heterogeneous kerana mereka menggunakan media untuk menghilangkan rindu kepada etnik mereka sebagaimana yang dipersembahkan oleh Lisa di dalam muzik video 'Lalisa' ini.

### 2.2 Hallyu dan Muzik Pop Korea (K-Pop)

*Hallyu* secara asasnya merujuk kepada penyebaran secara global produk-produk popular daripada Korea yang merangkumi rancangan hiburan seperti muzik, filem, drama, masakan, fesyen dan sebagainya (Farah Hidayah et al. 2020). Tambahan, gelombang Korea atau lebih dikenali sebagai *Hallyu* ini juga merupakan satu inisiatif daripada kerajaan Korea untuk memperluaskan dan mempromosikan lagi aset kebudayaan negara Korea ke mata dunia (Jang & Paik 2012).

Antara aspek utama K-pop yang menjadi tumpuan khalayak adalah kemodenan global yang disampaikan menerusi kepelbagaian pemaparan seperti budaya pengguna dan gaya hidup

progresif menerusi video muzik yang mementingkan nilai-nilai kemodenan liberal (Md Azalanshah 2019). Ini juga menyebabkan muzik popular Korea seperti K-Pop ini masih digemari sehingga kini terutama bagi generasi muda.

Tambahnya, berbanding genre budaya popular Korea yang lain, K-pop merupakan suatu industri budaya yang terancang dan disasarkan untuk khalayak antarabangsa pada peringkat awal lagi. Kebanyakan artis K-pop tidak dilahirkan melalui pertandingan bakat tetapi dilatih secara profesional dan sistematik untuk dijadikan bintang popular khususnya menerusi sistem pembentukan bakat yang dibangunkan pada awal dan pertengahan tahun 1990-an. Sistem ini mengasah bakat seawal umur 12 tahun dan melatih kanak-kanak terpilih untuk menjadi seorang penghibur bertahap global yang versatil.

Menurut, Zhang et. al (2020), K-pop telah menjadi salah satu eksport Negara Korea Selatan yang paling dominan dari sudut budaya jika dibandingkan dengan aliran hasil yang lebih 'tradisional' seperti kereta dan produk teknologi digital. Malah, majalah *Time* turut telah menyifatkan bahawa K-pop telah adalah salah satu eksport terbesar Korea pada masa kini berbanding industri-industri lain. Oleh itu, ini membuatkan bahawa imej budaya yang telah dihasilkan oleh pembuat teks daripada Korea mudah dicapai dan terasimilasi dalam pemikiran masyarakat luar untuk lebih mempelajari budaya mereka seperti yang telah dinyantakan oleh Hasanah dan Kharismawati (2019).

### **2.3 Komunikasi dan Muzik**

Komunikasi pada asasnya dapat diertikan sebagai sebuah pemindahan makna antara individu kepada individu lain sama ada secara lisan mahupun bukan lisan. Menurut Axcell Nathaniel & Amelia Wisda Sannie (2018), komunikasi merupakan sebuah proses dilakukan oleh setiap individu di dunia sebagai makhluk sosial untuk berinteraksi antara satu sama lain. Selain itu, komunikasi dilakukan untuk menyampaikan maklumat mahupun mesej kepada individu lain bertujuan supaya individu lain dapat memahami maksud yang disampaikan sekaligus mampu untuk memiliki penafsiran yang sama dengan penghantar mesej tersebut.

Justeru itu, hal ini juga membawa persamaan kepada penghasilan dan makna muzik itu sendiri kerana menurut (Norshafawati Saari et al. 2010) muzik sememangnya mempunyai kemampuan dalam menghantar mesej ini sejak awal keberadaannya di dunia. Ini kerana muzik juga merupakan sebahagian daripada unsur komunikasi disebabkan ianya mempunyai empat elemen asas kepada komunikasi iaitu sumber, penerima, saluran dan mesej. Mesej-mesej yang disampaikan melalui bait lagu inilah yang diterjemahkan oleh penyanyi bagi memberi ekspresi, idea dan perasaan diantara pembuat teks kepada penerima.

Oleh itu, ini dilihat selari dengan pernyataan Zulieda Azni dan Wan Amizah Wan Mahmud (2020) di mana muzik adalah salah satu platform komunikasi yang boleh serta sering digunakan oleh penggiat seni dalam menyampaikan makna melalui mesej-mesej lagu tersebut kepada para pendengar. Tambahnya lagi, ini membuatkan muzik adalah salah satu daripada unsur yang diperlukan dalam kehidupan setiap manusia. Ini sekaligus menunjukkan bahawa muzik dan komunikasi adalah dua perkara yang mempunyai persamaan dan amat diguna pakai secara meluas dalam kehidupan manusia pada hari ini.

### **2.4 Kaedah Kajian**

Dalam sesebuah kajian reka bentuk kajian mahupun teknik pengumpulan data dapat menentukan keberhasilan serta kesesuaian pemilihan instrumen bagi menganalisis data kerana reka bentuk amat bergantung kepada masalah kajian serta tujuan asal kajian (Nik Murshidah et al. 2018). Oleh itu, kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis tekstual ke atas muzik video 'Lalisa' yang berdurasi 3 minit 27 saat untuk mengetahui dengan lebih lanjut terhadap representasi imej identiti dan juga pemaparan budaya yang dipaparkan kepada audiens.

Tambahan, penggunaan metodologi ini amat bertepatan dengan kajian ini memandangkan kaedah ini telah banyak diaplikasi dan digunapakai oleh sarjana lampau dalam bidang kemanusiaan untuk mengkaji hasil karya, kesahihan karya dan juga makna-makna teks di dalam penghasilan karya tersebut (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin 2016). Bagi, Stone (2020) pula analisis tekstual adalah sebuah metodologi yang amat berkesan kerana ia mampu memberikan pencerahan dan peluang kepada pengkaji untuk mendalami maksud yang terkandung di dalam sesebuah teks media disebabkan ia tidak bersifat rigid. Disebabkan itu pengkaji menggunakan kaedah ini kerana dipercayai paling sesuai bagi mengkaji teks budaya di dalam muzik video. Tambahan daripada itu, satu borang kodan juga telah direka khas oleh pengkaji bagi memudahkan proses menulis dan mengumpul data dilakukan.

### 3.0 SAMPEL KAJIAN

Sampel kepada kajian ini adalah muzik video 'Lalisa' yang dinyanyikan oleh Lisa selaku lagu solo pertamanya dan Lisa juga merupakan salah seorang anggota kumpulan penyanyi wanita popular Korea Selatan, *Blackpink*. Lisa atau nama sebenarnya ialah Lalisa Manobal merupakan anak kelahiran Thailand dan telah dibesarkan di daerah Buriram, Thailand yang lahir pada tanggal 27 Mac 1997. Pada tahun 2010, di usia 13 tahun Lisa telah menyertai pertandingan ujibakat oleh sebuah syarikah gergasi hiburan Korea iaitu *YG Entertainment* yang bertempat di Thailand. Beliau merupakan satu-satunya individu yang berjaya melepasi kesemua ujian saringan dan menewaskan 4000 peserta lain yang turut mengambil bahagian. Lisa kemudiannya telah menyertai label itu sebagai pelatih pertama yang berasal daripada Thailand pada tahun 2011.

Jadual 1: Sampel muzik video kajian

Penyanyi	Muzik Video	Tahun	Penerbit
Lisa (Blackpink)	Lalisa	2021	<i>YG Entertainment</i> , Korea Selatan

Pada tahun 2021 Lisa telah mencetuskan fenomena serata dunia apabila muzik videonya 'Lalisa' telah dinobatkan sebagai muzik video yang telah mendapat tontonan paling tinggi dalam masa 24 jam di dunia. (Kosmo! 2021). Tambahan, muzik video ini juga telah mendapat lebih 100 juta tontonan menerusi laman 'Youtube' hanya selepas dua hari dilancarkan, ini sememangnya telah memadam rekod yang dipegang oleh penyanyi terdahulu iaitu Taylor Swift dengan lagu 'Me!' yang telah mendapat tontonan 65.2 juta sebelum ini. Hal ini jelas sekali membuktikan bahawa populariti serta pengaruh yang diraih Lisa dalam industri muzik global tidak dapat disangkal lagi apabila beliau juga berjaya mencatatkan namanya di dalam buku 'Guinness World Records' (Suzanne Sng 2021).

Dari situ, pengkaji ingin melihat dengan lebih mendalam ciri dan elemen budaya yang disematkan menerusi muzik video ini sehingga mampu menjadi perhatian seluruh dunia dengan menggunakan borang kodan yang telah disediakan pengkaji. Tambahan, muzik video ini juga telah menjadi bualan hangat di laman-laman sosial apabila Lisa menampilkan budaya Thailand iaitu dari sudut pakaian tradisional yang menjadi perhatian kepada warga net (Mstar 2021). Dari situ pengkaji akan dapat mengetahui dengan lebih dalam adakah imej dan juga elemen-elemen budaya yang ditonjolkan oleh muzik video 'Lalisa' sebagai satu langkah dalam mengekalkan dan mempromosikan budaya beliau mahupun sebaliknya.

### 4.0 TEORI NORMA BUDAYA

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan Teori Norma Budaya yang pada dasarnya telah dipelopori oleh Melvin De Fleur pada tahun 1970. Menerusi teori ini, Fleur menyatakan bahawa terdapat tiga tanggapan dasar teks komunikasi kepada audiens mahupun masyarakat melalui saluran media tertentu.

Elemen pertama menurut Fleur (2016) adalah, teks mahupun mesej komunikasi melalui saluran media dapat memperkuat pola budaya yang ada di sesebuah masyarakat. Seterusnya yang kedua adalah, teks atau mesej komunikasi melalui saluran media ini mampu untuk mencipta pola budaya baru dalam masyarakat namun ianya masih tidak bertentangan dengan budaya asal. Ketiga dan yang terakhir pula ialah media juga mampu untuk menghakis sesebuah kewujudan budaya yang ada.



Rajah 1: Kerangka konsep kajian


Oleh itu, perkara ini dilihat amat menarik untuk dikaji memandangkan Lisa merupakan seorang individu kelahiran Thailand namun menggiatkan diri dalam industri seni nyanyian Korea. Justeru, teori ini amat dilihat bersesuaian digunakan bagi melihat bentuk identiti dan budaya yang Lisa tonjolkan menerusi muzik video tersebut. Representasi kepada identiti dan budaya yang dipamerkan ini akan membawa kepada hasil kajian yang manakan adakah budaya Korea mahupun Thailand yang dilihat terhakis, adakah kedua-dua budaya ini dikekalkan atau wujudkan budaya-budaya baru selain daripada Korea dan Thailand menerusi muzik video tersebut.

## 5.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi hasil kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa tidak seperti muzik video K-Pop yang lain, muzik video Lalisa ini ternyata amat unik dan mendapat sentuhan yang berbeza apabila ada dalam syot-syot yang dibikin oleh pembuat teks mengandungi pemaparan kepada budaya selain daripada Korea terutama dari sudut pemaparan busana (*costume*) dan juga penggunaan bahasa secara keseluruhannya.

### 5.1 Busana (*costume*)

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2022), busana bermaksud pakaian yang lengkap dan indah-indah serta perhiasan. Hal ini dilihat sejajar dengan pernyataan daripada Mohd. Rosli (2004) di mana busana merujuk kepada pakaian yang meragkumi baju, kain, barang kemas, alat solek dan hiasan kepala. Justeru itu, melalui penayangan muzik video ini jelas mempamerkan sisi berbeza dalam penggunaan busana daripada pakaian tradisional Thailand yang dilihat amat menarik untuk dipersembahkan kepada umum.



Rajah 2: Pemaparan busana tradisional Thailand dalam muzik video 'Lalisa'

Sumber: Muzik Video 'Lalisa'

Penggunaan busana tradisional Thailand ini amat jelas kelihatan pada minit ke 2.24 apabila pertukaran adegan pemakaian yang bercirikan modernisasi kepada penggunaan busana tradisional ditonjolkan oleh pembuat teks. Dalam pada itu, busana yang diperagakan oleh Lisa ini sebenarnya telah mendapat sentuhan daripada pereka fesyen terkenal Thailand iaitu Polpat Asavaprapha dibawah jenama ASAVA. Polpat yang juga pengasas jenama fesyen mewah dan telah bekerja dengan ramai selebriti antarabangsa telah mereka gaun tradisional Thailand yang unik dengan menggunakan kain sutera emas yang dibuat khas bagi muzik video ini amat diterima baik oleh rata-rata peminat.

Tambahan, busana tradisional ini juga didatangkan lengkap dengan jubah panjang serta skirt mini berkilauan emas. Busana buatan tangan itu mendapat inspirasi daripada wilayah Lamphun di Thailand dan turut dihiasi kristal Swarovski bagi menonjolkan ciri mewah dan kontemporari apabila dipakai dan dilihat (Mstar 2021). Oleh itu, busana ini jelas mempamerkan ciri-ciri khas terhadap budaya Thailand melalui perincian yang diletakkan oleh pereka busana terhadap baju yang dipakai oleh Lisa dalam muzik videonya ini.



Rajah 3: Rekaan baju lalisa yang diambil daripada laman media sosial, Instagram pereka terkenal Thailand Asava Group

Sumber: laman Instagram Asava Group

Menerusi laman media sosial Instagram, Asava telah memuat naik lakaran awal pakaian tradisional Thailand yang dipakai oleh Lisa seperti dalam rajah 3. Lakaran tersebut menampilkan jubah panjang berkilat, *crop top* dan skirt pendek yang direka khas untuk Lisa. Busana ini juga telah direka secara eksklusif untuk muzik video 'Lalisa' serta telah dihasilkan secara sulaman tangan. Ianya telah ditunen dengan halus dengan corak kuno dari Wilayah Lamphun di utara Thailand (Asava 2021).

Selain itu, menerusi artikel yang dikeluarkan oleh allKpop (2021) turut menjelaskan bahawa Lisa sememangnya mahukan peminatnya merasai suasana negara asalnya iaitu Thailand. Bukan sahaja dari segi penampilan busana dan aksesori malah instrumentals kepada lagu 'Lalisa' juga dipengaruhi oleh muzik Thailand. Oleh itu, penggunaan pembawaan budaya Thailand dengan penggunaan busana tradisi ini juga dilihat antara pencetus kepada penonton yang tinggi kepada muzik video yang dihasilkan. Ini kerana terdapat pelbagai komentar peminat dari laman-laman sesawang media sosial tempatan malah antarabangsa yang mengetengahkan isu ini. Dalam pada itu, perbincangan netizen dan warga net berkenaan muzik video ini juga adalah bertindak sebagai salah satu katalis dalam menarik minat masyarakat untuk menonton muzik video ini.

Keunikan yang ada dengan memberikan visual budaya Thailand turut membuka mata orang luar untuk lebih mengenali dan mendalami kostum dan baju tradisi Thailand. Ini menunjukkan bahawa Lisa amat pintar dalam memikirkan strategi yang sememangnya berkesan dalam mengetegahkan budaya da nasal usul beliau dalam pembikinan muzik video 'Lalisa'. Ini sekaligus mempamerkan sikap tidak lupa daratan dan nilai positif, walaupun sudah bergelar selebriti yang amat popular di luar negara, namun semangat dan rasa sayang terhadap budaya asal sendiri yang ditonjolkan harus diambil contoh dan diaplikasikan kedalam diri masyarakat. Nilai identiti diri dan sikap patriotism terhadap negaranya Thailand ini harus menjadi inspirasi dan ikutan kepada selebriti, artis mahupun pempengaruh media supaya senantiasa berbangga dengan tanah air sendiri walaupun setinggi dan sejauh mana bumi dipijak.

## 5.2 Bahasa

Bahasa dilihat sebagai medium yang amat penting dalam penyatuan bangsa (Suffian & Awang Azman 2019). Hal ini boleh dilihat menerusi negara seperti Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum namun tetap hidup dengan aman dan makmur. Bahasa juga pada asasnya melambangkan budaya dan identiti masyarakat bagi sesebuah negara. Hal ini jelas disokong oleh Miller dan Poston (2020) yang menyatakan bahawa bahasa memainkan peranan yang amat penting dalam menggambarkan identiti sesebuah etnik dan negara bangsa.

Di Korea Selatan pula bahasa rasmi yang digunapakai oleh masyarakat adalah Hangeul merupakan sebuah sistem simbol yang diciptakan oleh Raja Sejong (1397 -1450) pada zaman Dinasti Joseon yang kemudiannya telah dijadikan sebagai bahasa rasmi di Korea sehingga kini (Adizta & Ayub 2019). Menerusi lagu 'Lalisa' ini, seperti kebanyakan lagu-lagu yang diterbitkan daripada Korea, kebanyakan penggubah lagu di Korea akan menggunakan gabungan dua Bahasa iaitu Hangeul dan juga Inggeris dalam bait lirik lagu tersebut yang membawa kepada terma 'Konglish'.

Menurut sarjana yang terawal menggunakan istilah 'Konglish' ini iaitu Kosofsky (1986), beliau menyatakan bahawa terma ini digunakan oleh masyarakat Korea selatan yang mengabungkan penggunaan bahasa Hangeul iaitu Bahasa Korea dan Inggeris dalam penulisan dan juga pertuturan. Pernyataan ini turut disokong oleh sarjana masa kini McPhail (2018) yang telah menyatakan bahawa 'Konglish' adalah percampuran Bahasa Korea dan juga Inggeris yang digunakan oleh masyarakat Korea Selatan.



*'Baby, get the megaphone, put it on speaker  
I said I can't hear you, so you need to speak up'*

*'Protect it like a barrier, promise there's nothing scarier  
Than me, if anybody coming gunnin' for my man'*

*'Bam-bam-bam, hit after hit though  
Rocks in my wrist, so I call 'em the Flintstones'*

*Sumber: Muzik Video 'Lalisa'*

Antara contoh penggunaan Bahasa Inggeris kebanyakan dapat dilihat pada rangkap rap lagu 'Lalisa'. Ini jelas menunjukkan bahawa sememangnya terdapat gabungan dan percampuran bahasa diantara Inggeris dan Korea dalam lagu ini. Menurut Willis (2014) lagu-lagu K-Pop pada era kini sememangnya menggunakan percampuran Bahasa Inggeris yang lebih banyak berbanding lagu-lagu era 90-an dan awal tahun 2000. Tambahnya, penggunaan Bahasa Inggeris ini juga dilihat penting bagi mempromosikan lagu tersebut di peringkat global dan tidak tertumpu hanya kepada masyarakat lokal.

Ini jelas dibuktikan dengan kejayaan lagu 'Lalisa' yang menjadi siulan di serata dunia apabila menjadi muzik video paling tinggi tontonannya di 'Youtube' dalam masa 24 jam. Selain itu, penggunaan Bahasa Inggeris ini juga dapat membentuk satu imej kemodenan dan pengantarabangsaan serta membawa konotasi bahawa penyanyi itu bersifat moden dan terkini dan relevan untuk dimainkan pada masa kini. Lirik lagu tersebut juga mempamerkan nilai yang positif yang ingin menunjukkan siapa diri Lisa yang sebenarnya dan apa yang beliau inginkan dalam industri seni nyanyian ini.

Perkara ini turut dikuatkan apabila Lisa kerap kali mengulang ayat '*say, Lalisa love me Lalisa, love me*' dan '*call me, Lalisa, love me, Lalisa, love me*' yang mana 'Lalisa' ini adalah merujuk kepada nama beliau sendiri dan menginginkan agar peminat dan pendengar akan terus mengingati serta menyanyangi beliau dalam apa jua yang dilakukan lebih-lebih lagi terhadap lagu dan karya yang dihasilkan. Namun begitu, pengkaji tidak menjumpai sebarang penggunaan Bahasa Thailand yang dihasilkan dalam lagu 'Lalisa' ini. Perkara ini jelas sekali kerana sasaran kepada lagu 'Lalisa' ini lebih luas bersifat global dan bukan sekadar Korea, Thailand dan Asia disebabkan itu, penggunaan Bahasa Thailand dilihat kurang bersesuaian sebagai lirik kepada lagu ini.



Rajah 4: Penonjolan penggunaan bahasa dalam muzik video 'Lalisa'

*Sumber: Muzik Video 'Lalisa'*


Selain daripada penggunaan bahasa di dalam lirik, pengkaji juga turut melihat kepada penggunaan bahasa yang terdapat di dalam muzik video 'Lalisa' ini. Bahasa mempunyai fungsi sebagai alat komunikasi di dalam masyarakat (Kaswanti & Rostina 2017). Justeru itu, manusia kini mampu mengenal dan membezakan budaya diantara satu sama lain melalui proses pengamatan terhadap cara penggunaan sesebuah bahasa dalam berkomunikasi. Jika dilihat seperti dalam rajah 4 kelihatan terdapat beberapa bahasa lain yang dipaparkan seperti Bahasa Cina, Inggeris dan juga Thailand.

Perkara ini dilihat dalam memberi gambaran kepada umum bahawa lagu ini sesuai untuk didengari oleh dan diterima oleh masyarakat yang datangnya dari latar belakang budaya yang berbeza. Penggunaan Bahasa Cina ini '香' (wangian) dilihat wujud disebabkan Lisa kini telah menjadi penyanyi idola K-pop yang paling banyak dilanggan di laman atas talian Bilibili, iaitu platform video popular dan terbesar di China. (Allkpop 2021). Justeru itu, penggunaan bahasa China ini sedikit sebanyak digunakan sebagai tanda penghargaannya kepada seluruh peminatnya yang berada di China.

Di samping itu, memandangkan lagu 'Lalisa' ini adalah debut pertama bagi karier solo Lisa, jadi penggunaan tulisan Thailand yang muncul iaitu 'อาหาร' yang membawa maksud makanan juga diterapkan memandangkan Thailand merupakan sebuah negara yang mempunyai variasi makanan yang enak serta makanan jalanan Thailand dalam industri pelancongan adalah makanan global yang berkembang dengan amat pesat dan menarik ramai pelancong untuk hadir (Jeaheng & Han 2020). Ini juga dilihat sebagai satu langkah bijak yang diambil pembuat teks dalam mempromosikan makanan Thailand di mata dunia.

## 6.0 PERBINCANGAN

Menerusi hasil daripada kajian seperti yang dinyatakan di atas, Lisa dilihat cuba untuk memberi variasi kepada penggunaan budaya kedalam muzik video ini bagi memberi kepuasan kepada semua peminat-peminatnya yang datang daripada latar belakang berbeza seluruh dunia. Ini memberi ruang kepada para peminatnya merasai sendiri pengalaman dan kedekatan apabila terdapat sentimen kepelbagaian budaya yang disematkan menerusi muzik video ini. Hasilnya, ianya telah membawa kejayaan kepada Lisa apabila muzik video ini disukai ramai dan mendapat sambutan yang amat mengalakkan dari peminatnya di seluruh dunia.



Rajah 5: Pengekalan budaya menerusi Teori Norma Budaya

Selain daripada itu, melalui Teori Norma Budaya yang diperkenalkan oleh Melvin De Fleur (1970) jelas sekali mengukuhkan bahawa representasi identiti dan budaya yang dipaparkan melalui muzik video ini telah dikekalkan oleh Lisa. Tambahan, Lisa juga dilihat mempunyai nilai patriotism dan nasionalisme yang tinggi terhadap negara kelahirannya apabila mempamerkan baju tradisi Thailand sekaligus mempromosikannya dengan baik sekali. Ini membuktikan bahawa walaupun Lisa sudah menetap lama di Korea Selatan, mendapat segala kemasyuran dan populariti namun beliau masih teguh mengekalkan identiti diri serta bangga terhadap asal usulnya sebagai anak kelahiran Thailand.

Disamping itu, tiada kelihatan budaya baru yang muncul di dalam muzik video ini, namun hanyalah percampuran budaya yang berlaku seperti penggunaan gabungan Bahasa iaitu 'Konglish'. Ini adalah kerana Lisa merupakan seorang penyanyi antarabangsa dan lagu yang

dihasilkan ini bersifat global, justeru penggunaan liriknya haruslah disesuaikan untuk segenap lapisan negara dan juga masyarakat yang mendengarnya agar pendengar lebih merasai kedekatan terhadap muzik yang dibawa Lisa dengan budaya tempatan.

## 7.0 KESIMPULAN

Secara tuntasnya, Perkara ini seharusnya dijadikan contoh yang baik kepada setiap penggiat seni seluruh dunia agar lebih bijak dalam menggunakan media dalam mengisi kandungan dan teks supaya diterima dengan baik oleh masyarakat. Pengekalan budaya serta identity yang wujud juga adalah satu langkah proaktif yang diambil Lisa dalam bukan sahaja mempromosikan lagu ini malah memperkenalkan budaya Thailand kepada dunia.

Hal ini seharusnya diikuti oleh masyarakat dunia bukan sahaja yang berada di dalam industri seni malah juga dalam semua cabang industri agar senantiasa merendah diri dan tidak menjadi kacang lupukan kulit apabila sudah mencapai kejayaan. Di Malaysia juga, sewajarnya karya budaya dan etnik yang wujud harus diberikan perincian dan diberikan ruang untuk dipromosikan kepada dunia. Hal ini sekaligus dapat membuka mata dunia terhadap keindahan negara kita selain menarik minat masyarakat luar untuk mengenali dan mempelajari Malaysia seperti apa yang telah dilakukan oleh Lisa menerusi muzik video 'Lalisa'.

## RUJUKAN

- Adizta Putri Sekarwangi, Ayub Ilfandy Imran. (2019). Presentasi Diri Remaja Tingkat Akhir Melalui Penggunaan Bahasa Korea (hangeul) Pada Instagram. *eProceedings of Management*, 6(1).
- Advani, A., & Reich, B. (2015). *Melting pot or salad bowl: The formation of heterogeneous communities* (No. W15/30). IFS Working Papers.
- Allkpop.com. 2021. BLACKPINK's Lisa is now the most-subscribed K-pop idol on Bilibili, the biggest video platform in China. <https://www.allkpop.com/article/2021/11/blackpinks-lisa-is-now-the-most-subscribed-k-pop-idol-on-bilibili-the-biggest-video-platform-in-china>. [22 November 2021]
- Asava Group [@asavagroup]. (n.d.). Posts [Instagram profile]. Instagram. Diambil pada 9 Oktober, 2022, daripada <https://www.instagram.com/asavagroup/>
- Axcell Nathaniel & Amelia Wisda Sannie. 2018. Analisis Semiotika Makna Kesendirian Pada Lirik Lagu Ruang Sendiri Karya Tulus. *SEMIOTIKA: Jurnal Ilmu Sastra dan Linguistik*. Vol. 19, n. 2, p. 107-117.
- Blackpink. (2021, September 10). Lalisa [Video]. YouTube. [https://www.youtube.com/results?search\\_query=lalisa](https://www.youtube.com/results?search_query=lalisa)
- DeFleur, M. L. (2016). *Mass communication theories: Explaining origins, processes, and effects*. Routledge.
- Dinda Wahyu Pertamasari & Lucy Pujasari Supratman. (2021). Proses Komunikasi Intrapersonal Remaja Dalam Mendengarkan Lagu Korea. *eProceedings of Management*, 8(5).
- Farah Hidayah Mohd Zainia, Muaz Azinuddin, Nur Shahirah Mior Shariffuddin & Wan Mohd Adzim Wan Mohd Zain. 2020. The Role of the Hallyu Phenomenon in Shaping a Destination Image among Malaysian Adolescents. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. Volume 13, Issue 5, 2020
- Gabriel, T. H. (2015). *Towards a Critical Theory of Third World Films*. In *Colonial Discourse and Post-Colonial Theory* (pp. 340-358). Routledge.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Hasanah, U., & Kharismawati, M. (2019). Penggunaan Budaya Pop Korea dalam Proses Pembelajaran Bahasa Korea bagi Mahasiswa dengan Gaya Belajar Campuran. *JLA (Jurnal Lingua Applicata)*. Vol 3(1), 10-19.
- Jang, G., & Paik, W. K. (2012). Korean Wave as tool for Korea's new cultural diplomacy. *Advances in Applied Sociology*. Vol 2(03), 196.
- Kalman, B. (2009). *What is Culture?* Crabtree Publishing Company.
- Kraus, S., Breier, M. & Dasí-Rodríguez, S. (2020). The Art of Crafting A Systematic Literature Review In Entrepreneurship Research. *Journal of International Entrepreneur Management*. Vol 16, 1023-1042 (2020).

- Kosofsky, D. (1986). *Common problems in Korean English*. Seoul. Way gook eh yeon su sa Publications.
- Kurt, I., & Gök, H. (2015). Impact of technology on the perceptions of culture shock.
- Manago, A. M. (2015). Identity development in the digital age: The case of social networking sites.
- Mstar Online. (2021). Hargai asal usul, Lisa Blackpink pilih pereka fesyen Thailand, busana MV Lalisa buat ramai terpegun. <https://www.mstar.com.my/xpose/mode/2021/09/12/hargai-asal-usul-lisa-blackpink-pilih-pereka-fesyen-thailand-busana-mv-lalisa-buat-ramai-terpegun>. [1 Disember 2022]
- Martinez-Callaghan, J., & Gil-Lacruz, M. (2017). Developing identity, sense of belonging and social networks among Japanese immigrants in Scotland and Spain. *Asian and Pacific Migration Journal*. Vol 26(2), 241-261.
- Md. Azalansyah. Md Syed (2019). K-pop, Aspirasi Kemodenan dan Ketidapatuhan Strategik dalam Kalangan Wanita Melayu (K-pop, Aspiration of Modernization and Strategical Non-compliance Among the Malay Women's Circle). *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. Vol 35(2), 103-122.
- McPhail, S. (2018). South Korea's Linguistic Tangle: English vs. Korean vs. Konglish: A study of the relative status of Konglish and its parent languages in South Korea. *English Today*. 34(1), 45-51.
- Miller, C., & Poston, M. (2020). Foundations of Culture and Identity. *Exploring Communication in the Real World*.
- Mohd. Rosli Saludin. (2004). Citra Busana dalam Teromba. Seminar Busana Melayu Serumpun, Melaka, 13 April 2004.
- Nik Murshidah, N. D., Najihah, A. W., & Noor Eliza, A. R. (2018). Long-Life Learning Concept By Imam Al-Shafie (Memahami Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat Melalui Diwan Al-Shafie). *Malaysian Journal For Islamic Studies*. Vol 2(2), 83-90.
- Nor Eryani Yusup. (2021). Rekod trending lagu solo Lisa. Kosmo! <https://www.kosmo.com.my/2021/09/14/169454/>. [1 Disember 2022]
- Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2011). Fonologi Rangkap Vokal Dan Kepelbagaian Dialek Melayu: Analisis Teori Optimaliti. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol. 11(3).
- Norshafawati Saari, Asiah Sarji & Fuziah Kartini Hassan Basri. 2010. Muzik Dan Pembangunan Sosial: Paparan Dasar Industri Hiburan Dalam Akahbarakhbar Di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*. Jilid 26(2): 47-65.
- Fella, S., & Sair, A. (2021). "Menjadi Korea": Melihat Cara, Bentuk dan Makna Budaya Pop Korea Bagi Remaja di Surabaya. *Journal of Urban Sociology*. Vol 3(2), 7-19.
- Sarifin, M. R., Sukimi, M. F., & Ali, M. N. S. (2021). Penggunaan Media dalam Pengekalan Identiti Etnik Generasi Kedua Bawean di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. Jilid. 37(1), 2021.
- Saucier, P. K. (2009). CVSpace: Musings on cape verdean youth identity, technology, and myspace. *American Communication Journal*. Vol 11(1), 1-11.
- Stone, P. J. (2020). Thematic text analysis: New agendas for analyzing text content. *Text analysis for the social sciences*, 35-54.
- Suzanne Sng. (2021). Blackpink's Lisa breaks two Guinness records with solo debut Lalisa. The Straits Times. <https://www.straitstimes.com/life/entertainment/blackpinks-lisa-breaks-two-guinness-records-with-solo-debut-lalisa>. [2 Oktober 2022]
- Willis, J. (2014). Putting the K in K-Pop: Korean or Konglish Pop Music?. *Schwa: Language and Linguistics*. Vol 10, 215-224.
- Yoksamon Jeaheng & Heesup Han. 2020. Thai street food in the fast-growing global food tourism industry: Preference and behaviors of food tourists. *Journal of Hospitality and Tourism Management*, Volume 45, 2020, Pages 641-655.
- Zhang, R., Chang Bi, N., Kodzi, P., Goodwin, A., Wasilewski, K., & McCurdy, E. (2020). From K-pop to Korean products: An investigation into the mediating effects of imitation and attitudes toward Korean culture and products. *Journal of Cultural Marketing Strategy*. Vol 5(1), 36-48.
- Zulieda binti Azni & Wan Amizah Wan Mahmud. 2020. Representasi Sosial Masyarakat Dalam Lirik Lagu Aman RA. *Jurnal Wacana Sarjana*. Volume 4(3) June 2020: 1-14.